

06/10/1997

Larangan pengeluaran visa dilanjut 6 bulan

BRUSSELS, Ahad - Larangan pengeluaran visa kepada pemimpin tentera dan sekatan Kesatuan Eropah (EU) terhadap rejim Yangon akan dilanjutkan enam bulan oleh menteri luar EU di sini, esok, kata diplomat.

Menteri Luar EU bagaimanapun menolak gesaan supaya sekatan diperketatkan, iaitu membabitkan langkah mengehadkan perdagangan dan pelancongan kerana bimbang ia akan menjejaskan hubungan lebih meluas Eropah-Asia.

Kumpulan hak asasi manusia mendesak EU supaya mengikut jejak Amerika Syarikat, yang mengharamkan pelaburan baru di Myanmar pada April, untuk menekan rejim Yangon supaya berdialog dengan pembangkangnya.

Selain larangan pengeluaran visa terhadap junta itu, pakej sekatan yang diluluskan oleh EU, Oktober tahun lalu, membekukan hubungan peringkat menteri dan pegawai kanan.

EU mengenakan sekatan penjualan senjata, kelengkapan tentera dan peluru terhadap Myanmar, pengharaman kerjasama tentera dan penggantungan bantuan bukan kemanusiaan atau projek pembangunan.

Pembaharuan sekatan dijangkakan untuk enam bulan lagi.

EU kurang senang untuk mengenakan sekatan lebih tegas berikutan krisis diplomatik September lalu apabila Setiausaha Luar British, Robin Cook berkata Myanmar tidak dijemput untuk sidang kemuncak Asia-Eropah (Asem) di London tahun depan, di sebalik penyertaannya dalam Asean.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa Asean mungkin memulaukan mesyuarat itu jika British bertegas dengan keputusannya.

Walaupun tidak mengubah pendirian mengenai Myanmar, EU tidak mahu mencetuskan perbalahan yang boleh menjejaskan strategi mengeratkan hubungan politik dan perdagangan dengan ekonomi paling dinamik di dunia itu. - AFP

(END)